

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : SESI PENYAMPAIAN RESOLUSI SEMINAR MENANGANI CABARAN WAWASAN 2020
KE ARAH PEMBENTUKAN PARADIGMA BARU PERKHIDMATAN AWAM
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 08-02-1994

Saya bagi pihak para pegawai-pegawai kanan sekalian adalah mengalu-alukan kedatangan Y.A.B. Dato Seri ke majlis ini.

Kami merasa amat bertuah serta berterima kasih di atas kesudian Y.A.B. Dato Seri Perdana Menteri hadir bersama kami pada pagi ini, dan seterusnya menyampaikan amanat sebentar lagi. Format perjumpaan tahunan dengan YAB Perdana Menteri pada kali ini adalah berbeza daripada tahun-tahun yang lepas. Pada kali ini, sebelum mendengar dan sesi dialogue dengan Y.A.B., satu Seminar mengenai Cabaran Wawasan 2020 Ke Arah Pembentukan Paradigma Baru Perkhidmatan Awam telah diadakan sebelum dan dihadiri oleh seramai 240 orang pegawai tinggi Kerajaan terdiri daripada Ketua-ketua Setiausaha dan Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, Ketua- ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun, Setiausaha- setiausaha Kerajaan Negeri, Setiausaha-setiausaha Pembangunan Persekutuan, Pegawai-pegawai Kewangan dan Penasihat-penasihat Undang-undang Negeri, Naib-naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Chanselor Universiti, serta Ketua-ketua Eksekutif dan pegawai- pegawai daripada ISIS, IKIM dan MIER. Tujuan utama diadakan seminar ini ialah untuk meneliti semula perubahan-perubahan dalam Perkhidmatan Awam yang telah dan sedang berlaku serta mengenal pasti paradigma baru dalam usaha menangani cabaran Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara industri sepenuhnya menjelang tahun 2020. Aspek-aspek yang diberi perhatian di dalam seminar ini ialah nilai, etika dan disiplin; produktiviti dan kualiti; struktur dan sistem organisasi dan hubungan dengan sektor swasta dalam konteks persyarikatan Malaysia.

2. Sidang pleno yang dipengerusikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Mahmud Taib telah membuat banyak resolusi- resolusi yang jatuh dibawah 11 kategori iaitu

- (i) sikap (nilai, etika dan disiplin);
- (ii) pengurusan sumber tenaga manusia;
- (iii) Rightsizing the civil service;
- (iv) empowerment;
- (v) perlunya masa bekerja yang flexible;
- (vi) sistem audit dalam;
- (vii) teknologi maklumat;
- (viii) sistem ganjaran;
- (ix) sistem perhubungan;
- (x) business of governance;
- (xi) kajian peranan dan keberkesanan agensi- agensi pusat;
- (xii) Persyarikatan Malaysia. Saya dengan segala hormatnya dengan keizinan Y.A.B. Dato Seri membacakan resolusi-resolusi secara ringkas.